



Kesusasteraan Melayu: Satu Pengenalan

Kesusasteraan Melayu: Satu Pengenalan

Bahasa Melayu

FATIN NAJLA OMAR

PUSAT E-PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU



Kesusasteraan Melayu: Satu Pengenalan Copyright © 2024 by Fatin Najla Omar is licensed under a Creative Commons Attribution-ShareAlike 4.0 International License, except where otherwise noted.

eISBN 978-629-99822-2-7

Pusat e-Pembelajaran makes no representation – express or implied, with regard to the accuracy of information contained in this book. Users of the information in this book need to verify it on their own before utilizing such information. Views expressed in this publication are those of the author(s) and do not necessarily reflect the opinion or policy of Universiti Malaysia Sabah. Some diagrams were beyond the control of the proofreaders and ebook editors to amend. Pusat e-Pembelajaran shall not be responsible or liable for any special consequential, or exemplary problems or damages resulting in whole or part, from the reader's use of, or reliance upon, the contents of this book.

Acknowledgments

This publication is made possible with the support of the Commonwealth of Learning, Canada and Pusat e-Pembelajaran Universiti Malaysia Sabah.

Published by

Pusat e-Pembelajaran,
Aras 5, Blok B, Bangunan Fakulti Komputeran Informatik,
Universiti Malaysia Sabah,
88400 Jalan UMS, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Tel: 088-320 000 (207802)

Email: cel@ums.edu.my

Contents

PRAKATA	1
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	4
Part I. TAKRIFAN DAN ISTILAH	
Part II. KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL	
1. PENGENALAN	11
2. BENTUK DAN ISI	13
3. SASTERA LISAN: BERBENTUK NARATIF	14
4. SASTERA LISAN: BERBENTUK BUKAN NARATIF	19
5. SASTERA TULISAN: BERBENTUK NARATIF	22
6. SASTERA TULISAN: BERBENTUK BUKAN NARATIF	23
Part III. KESUSASTERAAN MELAYU MODEN	
7. PENGENALAN	27
8. CERPEN	30
9. NOVEL	34
10. DRAMA	41
11. SAJAK	51
12. ESEI KRITIKAN SASTERA DALAM KESUSASTERAAN MELAYU MODEN	55
13. IMBAS SEMULA	61

Part IV. SASTERA DI ERA DIGITAL: SATU
EVOLUSI

14. PENGENALAN	67
Glosari	69
Bibliografi	80
Authors and Contributors	81

PRAKATA

Buku **KESUSASTERAAN MELAYU: SATU PENGENALAN** ini menghimpunkan lima bab yang memberi fokus kepada asas dalam bidang Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Kesusasteraan Melayu Moden. Bagi memudahkan khalayak pembaca sastera memanfaatkan bahan yang dibincangkan, maka buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama, merangkumi kepada enam subtopik iaitu Kesusasteraan Melayu Tradisional yang meliputi pengenalan kepada Kesusasteraan Melayu Tradisional, Bentuk dan Isi Kesusasteraan Melayu Tradisional, Sastera Lisan: Berbentuk Naratif, Sastera Lisan: Berbentuk Bukan Naratif, Sastera Tulisan: Berbentuk Naratif dan Sastera Tulisan: Berbentuk Bukan Naratif. Manakala, bahagian dua pula peralihan kepada pengenalan Kesusasteraan Melayu Moden seperti Cerpen, Novel, Drama, Sajak dan Esei Kritikan. Dua bahagian ini merupakan nadi kepada jalur perkembangan dalam bidang Kesusasteraan Melayu yang perlu dipelajari dan difahami bagi mereka yang ingin menerokai bidang sastera. Seiring dengan perubahan masa dan perkembangan teknologi, bidang sastera juga turut mengikuti arus perkembangan di era digital. Justeru, buku ini turut membincangkan topik asas kepada Sastera di Era Digital Sebagai Satu Evolusi. Jika ditelitikan ilmu Sastera Melayu secara terperinci, ia menunjukkan satu perjalanan yang panjang dan luas meliputi lakaran sejarahnya. Walau bagaimanapun, buku

ini hanya menumpukan aspek pengenalan awal secara dasar sahaja yang meliputi asas kepada Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Moden sebagai permulaan. Khalayak pembaca yang menelaah buku ini diharapkan mendapat ilmu yang bermakna dengan gaya penulisan yang ringan dan mudah untuk difahami khususnya sebagai rujukan pelajar di peringkat institut pengajian tinggi Malaysia mahupun peringkat prauniversiti. Semoga buku interaktif ini bermanfaat kepada mahasiswa yang berminat mempelajari dan menerokai bidang kesusasteraan Melayu diperingkat awal.

Di samping itu, penulis juga ingin menzahirkan seluas-luasnya penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah atas peluang yang bermakna dalam melakar pengalaman menerusi penulisan ini agar dapat berkongsi ilmu yang bermanfaat. Juga tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli iOTB yang berkongsi pengetahuan bersama sepanjang proses menyiapkan buku Kesusasteraan Melayu: Satu Pengenalan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) khususnya Dekan, Prof. Madya Dr. Zairul Anwar Md. Dawam yang sentiasa memberikan sokongan moral dan galakan kepada penulis untuk menyiapkan buku ini. Akhir sekali, terima kasih kepada penilai juga selaku penyunting yang meluangkan masa dan kerjasama yang diberikan untuk menyunting buku ini. Semoga bermanfaat dan selamat membaca.

Fatin Najla Omar

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif Pembelajaran

Di akhir topik pembelajaran, pembaca diharapkan dapat memahami dan menguasai asas pengenalan Kesusasteraan Melayu seperti yang tertera:

- **Memahami definisi kesusasteraan Melayu**
- **Mengenal jenis-jenis kesusasteraan Melayu tradisional dan kesusasteraan Melayu moden**
- **Membezakan sastera Melayu berbentuk naratif dan bukan naratif**
- **Memahami perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional sehingga moden**

PART I

TAKRIFAN DAN ISTILAH

Istilah sastera terkumpul konsep, ciri, bentuk, pendekatan yang digunakan, fungsi karya dan pengarang. Malah secara umumnya, menjadi ruang ilmu dan falsafah sastera orang Melayu. Takrif daripada istilah dan konsepnya ini akan menjadi pemandu arah sampai kepada tujuan besar (Mohammad haji Salleh, 2021: 21). Sastera adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Sanskrit (*castera*) yang membawa maksud Kitab Suci Hindu. Walau bagaimanapun, perkataan ini bukanlah yang terbaik sekali untuk digunakan buat suatu bidang yang mencakupi karya naratif dan puisi (Warder, 1972:1). Menurut definisi awal, “sastra” hanyalah sebahagian sahaja daripada tiga bahagian yang tercakup dalam daerah liputannya, iaitu bidang sastera sebagai suatu bentuk kesenian. Dua bahagian lain yang tercakup di bawahnya ialah agama dan sejarah (1972: 31). Akan tetapi, perlu diketahui bahawa istilah sastera pernah digunakan untuk menamakan semua jenis karya yang tergolong sebagai pengetahuan. Ringkasnya, erti khusus di sini memperlihatkan perbezaannya yang jelas daripada bidang kesenian yang bukan menjadi sebahagian daripada ilmu pengetahuan tetapi lebih dekat kepada karya kreatif dan imaginatif (Muhammad Haji Salleh, 2021: 21). Jika istilah kesusasteraan ini seperti yang sedia maklum berasal dari Sanskrit iaitu terdiri daripada perkataan ‘su’ yang bererti elok, indah dan cantik, manakala perkataan ‘sas’ pula bermaksud berikan panduan dan ‘tera’ yang bermaksud media, karya, bahan atau pemikiran pengarang. Dalam makna lain, ‘susastera’ ialah sebuah karya Bahasa yang memiliki ciri-ciri Istimewa dan bernilai seni dalam penciptaannya. Ini dilengkapi dengan apitan ‘ke-...an’ yang bermaksud kesenian bersifat halus, indah dan kata-kata yang suci sama ada karya dalam bentuk tulisan atau bukan tulisan (Md Hasri, 2013). **"Susastera"** pula bermaksud suatu kesenian yang diciptakan dengan **bahasa, tulisan atau lisan yang diungkapkan dengan bahasa yang indah atau karya-karya**

bertulis yang mempunyai seni yang murni, indah dari segenap segi, iaitu bentuk bahasa, isi, penyampaian dan maknanya. **Kesusasteraan** ialah hasil seni yang dilahirkan dengan keindahan bahasa yang merupakan kumpulan lebih dari satu ciptaan susastera. Ringkasnya, karya-karya yang berbentuk karangan bercorak prosa seperti novel, cerpen, hikayat, puisi, lirik dan drama yang mampu menawan perasaan. J.L. Robertson seorang sasterawan berpendapat bahawa “kesusasteraan ialah **ucapan yang berseni dalam kata-kata dari apa yang difikir, dirasakan, diingati atau yang dikhayali**” (Ismail Yusof, 2008: 1). Demikian pula dengan merujuk **Kamus Dewan Edisi Keempat**, kesusasteraan didefinisikan sebagai sebuah bentuk seni yang menggambarkan keindahan dengan bahasa, karang-mengarang, persuratan, seni sastera.

Kesusasteraan juga menyajikan teks dengan susunan ayat menerusi kata-kata yang indah, mengetengahkan sesuatu daripada kepelbagaian aspek kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Tidak dinafikan bahawa kesusasteraan seakan mempunyai pertalian yang akrab dengan segala bentuk yang wujud dalam pengalaman dan kehidupan sesuatu masyarakat itu. Memetik kenyataan Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi (2005:11), bahawa Kesusasteraan Melayu itu adalah satu proses yang berterusan daripada zaman tradisional melampaui moden hingga ke zaman kontemporari kini.

Latihan/Exercises



An interactive H5P element has been excluded
from this version of the text. You can view it
online here:

[https://openbook.ums.edu.my/
kesusasteraanmelayu/?p=28#h5p-1](https://openbook.ums.edu.my/kesusasteraanmelayu/?p=28#h5p-1)

PART I
KESUSASTERAAN MELAYU
TRADISIONAL

I. PENGENALAN

Adopted from “Wild flowers” by Anne Pratt is licensed under CC BY 3.0

Hasil kesusasteraan yang diwarisi sehingga hari ini mempunyai hubungan langsung dengan ahli masyarakat yang lalu bukan sekadar merupakan karya kreatif intelektual bangsa masa lalu, malah menjadi bahan yang digunakan dalam budaya kehidupan masyarakat. Ruang lingkup budaya serta keperluan hidup masyarakat dalam tatatingkat mana sekalipun tetap akan mendekati hasil sesebuah sastera tersebut (Aripin Said, 2015:3). Kesusasteraan Melayu tradisional meliputi tradisi lisan dan tradisi bertulis sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi. Secara dasarnya, perkembangan kesusasteraan Melayu dimulai dengan tradisi lisan selaras dengan kesederhanaan tingkat dalam pemikiran awal masyarakat Melayu pada satu ketika dahulu.

Tradisi lisan yang lahir ketika masyarakat Melayu masih berada di fasa primitif dan buta huruf membawa kepada kewujudan prosa dan puisi yang juga diistilahkan sebagai sastera lisan atau sastera rakyat yang mempunyai pegangan kepercayaan dan ritual seperti mitos dan mantera. Tidak hanya berfungsi sebagai unsur ritual, malah sastera dalam konteks ini memainkan peranan sebagai hiburan yang antara lainnya termasuklah cerita legenda, cerita binatang, cerita penglipur lara, pantun, teka-teki, seloka, teromba dan peribahasa. Dalam sejarah dan perkembangan kesusasteraan Melayu (**Harun Mat Piah, 1993**) kesusasteraan Melayu tradisional merujuk kepada karya yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:

Ciri-ciri karya Kesusasteraan Melayu Tradisional

1. Bersifat Kolektif
2. Hasil karya bersifat feodal
3. Karya yang terbatas pencipta dan khayalaknya
4. Karya yang dihasilkan sebelum tahun 1800M
5. Bersifat fungsional
6. Mempunyai pelbagai genre yang diungkapkan secara lisan dan tulisan
7. Tidak dibatasi oleh zaman, tarikh dan waktu
8. Gaya bahasa dan langgam bahasa yang berbeza dengan gaya bahasa kini
9. Hasil karya yang mempunyai nilai tersendiri
10. Mempamerkan nilai-nilai klasik
11. Hasil karya bersifat statis kerana tidak memperlihatkan keragaman tema dalam sesuatu genre

Kesan kepada pertembungan masyarakat Melayu dengan budaya yang lebih maju kemudiannya secara langsung mempertingkatkan kematangan kreativiti kesusasteraan dengan menguasai tradisi bertulis. Kreativiti pengarang membawa kepada bentuk prosa dan puisi, tidak hanya memenuhi tuntutan hiburan malah meliputi peringkat lebih tinggi seperti pemikiran dan falsafah. Justeru itu, bahagian satu dalam buku ini akan menjelaskan Kesusasteraan Melayu Tradisional secara asas yang dimulai dengan bentuk dan isi kesusasteraan Melayu tradisional, sastera lisan – berbentuk naratif, sastera lisan – berbentuk bukan naratif, sastera tulisan – berbentuk naratif dan sastera tulisan – berbentuk bukan naratif.

2. BENTUK DAN ISI

Apakah **BENTUK** dan **ISI** Kesusasteraan Melayu Tradisional ?

Kesusasteraan Melayu tradisional terbahagi kepada **dua**, iaitu **prosa** dan **puisi**.

Dari segi isinya pula, dapat dibahagikan kepada dua baik **lisan** mahupun **tulisan**..



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/kesusasteraanmelayu/?p=34#h5p-2>

3. SASTERA LISAN: BERBENTUK NARATIF

KESUSASTERAAN RAKYAT

“Kesusasteraan rakyat adalah sastera yang hidup di tengah-tengah rakyat. Diturunkan oleh ibu kepada anaknya yang dalam buaian. Tukang cerita juga menuturkannya kepada penduduk kampung yang tidak bisa membaca”.

(Liaw Yock Fang, 2011:1)

Sebenarnya sastera rakyat yang juga dikenali dengan nama tradisi lisan mencakup suatu bidang yang luas. Misalnya ungkapan, peribahasa, nyanyian, tarian, adat resam, undang-undang, teka-teki, permainan, kepercayaan dan perayaan. Pada amnya, **Mohd. Taib Osman (1982)** membahagikan **tradisi lisan kepada tiga komponen asas** seperti **tradisi berbentuk pelakuan** (*behaviour*) yang merujuk kepada pemilik yang mengamalkan adat-resam, perubahan tradisional, perayaan, teater tradisional, permainan rakyat dan tarian. Kedua, **tradisi budaya benda** (*material culture*) yang merujuk kepada artifak-artifak warisan seperti busana, alat muzik, seni bina, alat persenjataan, anyaman, tembikar dan tetunan. Manakala, komponen yang ketiga ialah **tradisi berbentuk pengujaran**

(*verbalized*). Tradisi lisan jenis ini meliputi apa sahaja bentuk tradisi yang diujarkan pengucapannya melalui mulut dan turut dikenali sebagai sastera rakyat atau sastera lisan (**Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2005: 15**).

Berdasarkan komponen asas yang telah dinyatakan, maka pengertian tradisi lisan sejajar dengan folklor (*folklore*). Menurut **James Danandjaja** (1986, 2) telah menjelaskan bahawa kata *folk* merujuk kepada sekumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri pengenalan fizik, sosial dan kebudayaan yang dapat dibezakan dengan kumpulan yang lain. Sementara *lore* pula merujuk kepada apa sahaja berbentuk tradisi lisan yang dimiliki oleh kumpulan manusia (*folk*) itu.

Cerita rakyat merupakan cerita yang disampaikan secara lisan dan biasanya berfungsi sebagai hiburan dan pendidikan. Ceritanya pendek, tidak skematik dengan gaya bahasa yang stailistik dan formulaik seperti bentuk roman lipur lara atau cerita pari-pari. Kebanyakannya cerita rakyat berbentuk prosa berbanding dengan cerita lipur lara yang bersifat separuh prosa. Cerita rakyat yang amat popular dan tersebar luas dalam kalangan rakyat jelata ialah cerita jenaka seperti Pak Pandir, Lebai Malang dan Si Luncai (Kamus Kesusasteraan, 2015: 66).

Cerita rakyat terbahagi kepada beberapa jenis (kisah atau naratif) antaranya:

- Cerita Asal-usul
- Cerita Binatang
- Cerita Jenaka
- Cerita Pelipur Lara
- Cerita legenda

Kedatangan Islam ke timur pada abad ke-14 dan ke-15 bukan sekadar membawa pengaruh agama Islam tetapi juga memperkenalkan sistem tulisan iaitu tulisan Jawi. Bagaimanapun, pada waktu itu, sastera bertulis hanyalah bertempat di istana. Perkara tersebut disebabkan perkembangan Islam tertumpu di istana dan golongan istana sahaja yang tahu untuk menulis dan membaca pada ketika itu.

Namun demikian, hal ini tidak menjadi penghalang perkembangan **sastera rakyat** yang tetap berkembang secara lisan. Sastera rakyat merupakan sastera lisan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Khalayaknya pula terdiri daripada golongan marhaen. Hakikatnya, sastera rakyat berperanan penting dalam pertumbuhan masyarakat Melayu pada waktu itu.

Masyarakat Melayu primitif dan tertutup lingkungannya serta dilingkari oleh kepercayaan animisme yang tebal dan dipengaruhi oleh alam sekeliling. Sastera rakyat disampaikan dari mulut ke mulut; diturunkan pula kepada satu generasi kepada generasi seterusnya yang menyebabkan banyak terjadi tokok tambah dalam hasil sastera tersebut yang membentuk cara mereka bertindak dan berfikir.



One or more interactive elements has been excluded from this version of the text. You can view them online here: <https://openbook.ums.edu.my/kesusasteraanmelayu/?p=36#oembed-1>

Cerita Rakyat © 2024 by Pusat e-Pembelajaran UMS is licensed under CC BY 4.0

CERITA ASAL-USUL

Cerita asal-usul atau dongeng aetiologis adalah cerita rakyat yang tertua. Cerita rakyat jenis ini sebenarnya sudah biasa dimasukkan dalam bidang mitos, yakni **sebuah cerita yang dianggap benar oleh penceritanya**.

CERITA BINATANG

Cerita binatang adalah salah satu bentuk sastra rakyat yang sangat digemari. Biasanya akan ada seekor binatang yang memegang watak penting dan memiliki sifat-sifat manusia. Dalam masyarakat primitif, tidak ada perbezaan antara dewa, binatang dan manusia. Cerita-cerita ini dicipta untuk memberi teladan kepada khalayak agar tidak angkuh dan banyak memberikan pengajaran. Terdapat **empat corak** dalam menganalisis cerita-cerita binatang.

CERITA JENAKA

Terdapat dua jenis cerita jenaka yang menjadi warisan dalam perkembangan kesusasteraan iaitu cerita yang memperlihatkan unsur-unsur pengaruh **Arab dan Farsi**. . Cerita rakyat biasanya disampaikan secara lisan oleh **pelipur lara, ibu bapa atau nenek dan datuk masa lalu**.

Tujuan cerita jenaka yang hendak disampaikan ialah:

- (i) Merupakan satu kritikan masyarakat terhadap tingkah laku masyarakat terutama yang kurang sopan sama ada golongan bawahan mahupun atasan.
- (ii) Memberikan hiburan kepada yang mendengarnya.

CERITA PELIPUR LARA

Cerita pelipur lara ialah merujuk kepada sebuah bentuk penceritaan yang menghiburkan hati, lara, bersedih dan berduka. Sebelum wujudnya komunikasi massa, mendengar cerita pelipur lara merupakan satu-satunya bahan hiburan bagi penduduk

kampung. Narator ini juga dikenali sebagai *sahibul hikayat*. Kedatangan penglipur lara ini mendapat sambutan yang meriah oleh penduduk kampung dan mendapat upah. Cerita pelipur lara selalunya mengisahkan tentang istana yang indah buatannya. Raja yang memerintah pula memiliki kerajaan yang sangat besar.

CERITA LEGENDA

Cerita legenda dalam sastera rakyat merupakan yang **tokohnya** dalam bidang tertentu. Seperti, tokoh agama, pahlawan, tokoh-tokoh pembukaan tempat dan sebagainya.

4. SASTERA LISAN: BERBENTUK BUKAN NARATIF

https://youtu.be/1_Eu_LFujVQ?si=W63onDbVWzeClMmG
BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU (seloka irama Pak Pandir)
NURMI SYAKIMI NOVEL is licensed under CC BY 4.0



*One or more interactive elements has been excluded
from this version of the text. You can view them online*

here: [https://openbook.ums.edu.my/
kesusasteraanmelayu/?p=38#oembed-1](https://openbook.ums.edu.my/kesusasteraanmelayu/?p=38#oembed-1)

Pantun PENDEKAR MELAYU is licensed under CC BY 4.0

Sastera yang bukan berbentuk naratif ialah seperti peribahasa (pepatah, bidalan, perbilangn dan perumpamaan), teromba, nyanyian rakyat (*folksongs*), ungkapan adat (perbilangn adat), pantun, mantera, dzikir/zikir, teka-teki, seloka, gurindam, bahasa berirama dan sebagainya.

Teromba

Perkataan yang berasal daripada baha Minangkabau yang bermaksud 'salasiah, keturunan seseorang, sekumpulan masyarakat

sesuatu bangsa, dan sesuatu sistem'. Teromba merupakan sebuah bentuk puisi Melayu tradisional yang mengandungi susunan undang-undang dan adat yang disampaikan dalam bentuk puisi. Ungkapan teromba juga adalah berbentuk bebas, tidak panjang dan rangkainya tidak tetap. Bentuk rangkap teromba pula boleh terdiri daripada dua hingga berpuluh-puluh baris serangkap. Selain itu, teromba mengandungi pemerian tentang salasilah adat, norma dan undang-undang adat yang terpakai dalam adat perpatih dalam kalangan masyarakat Melayu Minangkabau. Barisnya juga sering mengandungi peribahasa berangkap yang membawa tema perumpamaan, kiasan atau perbandingan. Contoh teromba:

***Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat.***

(Kamus Kesusasteraan, 2015:371)



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/kesusasteraanmelayu/?p=38#h5p-6>

Talibun (juga dikenali sebagai sesomba)

Bentuk puisi Melayu tradisional yang bebas dan menggunakan bahasa berirama. Biasanya terdiri daripada melebihi empat baris dan tidak terikat dengan skema rima di hujungnya. Tidak hanya itu, puisi ini mengandungi pemerian tema, adegan dan babak yang biasanya terdapat dalam cerita penglipur lara. Talibun juga merupakan formula atau frasa tetap yang diulang-ulang dalam konteks dan maksud yang sama dalam sesebuah cerita. Bahasa talibun tersusun dalam bentuk yang tidak teratur dan baris-barisnya berirama tetapi tidak mengandungi pola rima yang tertentu. Bahasa

talibun berirama dan berentak, menjadi selingan dan hiasan dalam cerita, dan terserlah keindahan bunyi dalam penyampaian lisan.

***Dari jauh menjung duli,
Sudah dekat langsung menyembah,
Terangkat kadam jari sepuluh,
Kuncup bagai slaur bakung,
Jari bagai susun sirih.***

(Kamus Kesusasteraan, 2015: 355–356)

Mantera

Istilah mantera berasal daripada **bahasa Sanskrit *mantara*, *manir* atau *mata*** yang bermaksud ‘**rumus yang berentak**’ atau ‘*chhandas* yang mengisi bahagian *hymns* dalam kitab *Vedas*’. Salah satu bentuk puisi Melayu tradisional yang terawal dicipta oleh manusia namun longgar bentuknya dan tidak tetap panjangnya. Ketika diucapkan, mantera dipercayai dapat menimbulkan kuasa magis atau ghaib yang bertujuan untuk pensihiran dan pembomohan. Mantera juga merupakan rumus suci Hindu yang mengandungi ungkapan mistik dan disampaikan kepada dewa. Dalam dunia Melayu, mantera dikenali sebagai jampi, serapah, tawar, sembur, cuca, puja dan seru. Tidak dinafikan bahawa terdapat beratus-ratus mantera di alam Melayu yang setiap satunya berbeza penggunaan dan tujuannya. Contohnya, mantera pemanis:

***Kain peta limau manis,
Mari kulipat di dalam talam,
Bagai kain pakai manis,
Seperti asam dengan garam.***

(Kamus Kesusasteraan, 2015: 221)

5. SASTERA TULISAN: BERBENTUK NARATIF

Sastera Tulisan Berbentuk Naratif juga dikenali sebagai cerita/
kisah/naratif

1. **Sastera Hikayat**
2. **Sastera Epik**
3. **Sastera Panji dan Perwayangan**
4. **Sastera Sejarah**
5. **Kisah Para Nabi & Tokoh-Tokoh Islam**

6. SASTERA TULISAN: BERBENTUK BUKAN NARATIF

Sastera Kitab

- Ilmu fikah
- Ilmu tasawuf
- Ilmu tahwid
- Perundangan, faraid dan lain-lain

Sastera Undang-Undang dan Ketatanegaraan

- Kanun dan Undang-undang seperti Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Pahang
- Peraturan adat istiadat Raja-raja Melayu
- Ketatanegaraan: Taj al-salatin
- Hukum adat

Kepustakaan Ilmu Tradisional

- Ilmu husab
- Ilmu bahasa
- Ilmu pertanian
- Ilmu perubatan
- Ilmu penujuman

PART II
KESUSASTERAAN MELAYU
MODEN

7. PENGENALAN


Pada dasarnya, ramai pengkaji sastera yang berpendapat bahawa pemisah antara Sastera Melayu Tradisional dengan Sastera Melayu Moden berlaku selepas tahun 1800. Hal ini kerana hasil-hasil kesusasteraan Melayu yang menunjukkan sifat baru pada abad ke-19 dengan kemunculan karya-karya Munsyi Abdullah (**Ismail Yusoff, 2008: 153**). Secara ringkasnya, dari segi bentuk, isi atau pandangan seorang pengarang juga boleh membezakan atau menjadi garis pemisah antara hasil-hasil Sastera Melayu Tradisional dengan Sastera Melayu Moden.

Jika hasil-hasil Kesusasteraan Melayu Tradisional selalu memusatkan perhatian terhadap kehidupan golongan istana atau pemerintah. Misalnya, jelas dapat ditelitikan dalam cerita-cerita penglipur lara, epik warisan zaman Hindu, epik zaman Islam, kesusasteraan sejarah dan sebagainya. Hasil ciptaan zaman feodal dan berpusat di istana yang mengganggu golongan istana.

Sementara, hasil-hasil kesusasteraan Melayu moden yang memusatkan perhatian pada kehidupan rakyat biasa, memaparkan persoalan yang dihadapi Masyarakat. Hasil-hasil yang menekankan gambaran peristiwa-peristiwa yang benar-benar terjadi di sekeliling, konkrit dan di alam nyata. Ini dapat ditelitikan dalam cerpen-cerpen, novel dan sajak-sajak Melayu sebelum dan selepas perang dunia kedua. Umumnya, sastera Melayu moden menyajikan persoalan yang berkaitan dengan kehidupan Masyarakat sama ada golongan petani, buruh, nelayan dan golong-golongan lain dalam masyarakat. Sifat sastera Melayu moden juga dapat dibezakan dengan sifat realismenya. Kisah-kisah yang dilakar adalah peristiwa logik dari segi pemikiran manusia. Berbeza dengan hasil Kesusasteraan Melayu Tradisional yang menengahkan kisah mitos, unsur-unsur ghaib dan dongeng-dongeng. Misalnya, kisah dewa-dewi, kisah kayangan dan peristiwa aneh yang sukar diterima oleh manusia moden.

Dari segi bahasa pula, gaya bahasa sastra Melayu moden lebih linear dan mudah untuk difahami. Sementara Sastra Melayu Tradisional lebih menekankan penggunaan bahasa hikayat yang menggunakan kata-kata lama dan tana penggunaan perenggan serta tanda baca pada zaman itu. Seiring dengan peralihan jalur perkembangan Kesusasteran Melayu Moden, sifat individualisme pengarang memiliki pemikiran dan gaya kepengarangan yang tersendiri. Cara penyebarannya pula menerusi cetakan dan luas diperdagangkan jika dibandingkan dengan Sastra Melayu Tradisional yang hanya menggunakan kaedah tulis tangan dan penyebarannya juga terhad.

Terdapat lima genre dalam kesusasteraan Melayu moden iaitu cerpen, drama, esei atau kritikan, novel dan puisi.



“Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir dapat digolongkan “Bapa Kesusasteraan Melayu Moden” kerana dia menulis pada kira-kira pertengahan abad ke-19, karya-karyanya dicetak, bentuk-bentuknya sudah terpisah dari bentuk yang tradisi, dia tidak lagi menuliskan khayalan yang tidak dapat diterima akal, dia mengkritik keadaan-keadaan social dan karya-karyanya dinikmati secara individual”.

(A. Bakar Hamid, 1974:5)

8. CERPEN

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Memahami konsep cerpen Melayu
- Memahami tema cerpen sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua

Pengenalan

Cerpen merupakan suatu wacana yang memiliki ciri-ciri tersendiri dalam sejarah kesusasteraan Melayu. Genre atau bidang cerpen dalam kesusasteraan Melayu termasuk dalam kategori cereka, merupakan satu bidang yang popular. Sebagai satu genre kesusasteraan, menerusi akronimnya cerpen dapat dihuraikan sebagai **cereka pendek** yang merujuk kepada plot atau jalinan peristiwa yang relatif mudah dan sedikit berbanding novel. Jumlah watak yang dipersembahkan dalam dunia cerpen tidak seramai jumlah watak dalam penulisan fiksi novel dan watak yang lebih berfokus. Cerpen juga berdasarkan **fakta** di campur dengan **imaginasi**. Dengan membawa makna lain, cerpen ialah satu gabungan yang tidak seimbang antara pengalaman benar berlaku mahupun rekaan pengarang.

Cerpen yang berjudul “**Kecelakaan Pemalas**” pada tahun 1920


karya Nor bin Ibrahim Al-Madrasi yang diterbitkan dalam majalah *Pengasoh/Pengasuh* pada 4 Februari 1920 telah mencatat sejarah sebagai **cerpen Melayu pertama** yang diterbitkan. Jika diikuti perkembangan penulisan cerpen Melayu dari awal hingga ke hari ini, perubahan terjadi juga dipengaruhi oleh peningkatan pendidikan di kalangan penulis dan pembaca. Cerpen yang dihasilkan dituntut **mengimbangi perisian mesej** dengan **keindahan estetik** di dalamnya.

Pada tahap awal pertumbuhan dan perkembangan cerpen, terutama dalam dekad 1920-an, ternyata pengarang belum mengemukakan persoalan-persoalan cerita yang besar dan tidak begitu luas daerah garapannya. Pengucapan yang berbaur dengan nada didaktik ini amat ketara dan dapat ditelusuri pada cerpen-cerpen yang mengangkat fenomena moral dan kebebasan sosial yang ada hubungkait dengan realiti objektif semasa akibat daripada pertembungan kebudayaan Timur dengan kebudayaan Barat (**Othman Puteh, 2004: 155**).

Sesebuah cerpen adalah hasil gabungan estetik dengan persoalan-persoalan yang terhimpun ke dalam suatu pola yang paling harmonis dan menyeronokkan. Sesebuah cerpenis perlu memilih cerita serta keseluruhan **pengolahan cerita itu memiliki nilai estetik atau keindahan bahasa**.

Perkembangan Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua mengangkat tema dan persoalan yang menyentuh aspek moral atau keruntuhan akhlak terutama pengaruh moden barat. Selain itu, turut mengetengahkan persoalan kebebasan sosial seperti cinta muda-mudi, kahwin paksa, pelajaran orang-orang Melayu, perihal politik dan ekonomi orang Melayu serta nasionalisme.

Sementara watak yang ditonjolkan berbentuk tipis dan tidak bulat, yakni diperkenalkan secara langsung oleh pengarang dan tidak berkembang secara natural. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan adalah dipengaruhi oleh corak pendidikan atau pekerjaan cerpenis pada ketika itu (**Ismail Yusoff, 2008: 219**).



Tema, persoalan dan watak

- Persoalan moral atau keruntuhan akhlak terutama pengaruh moden barat
- Persoalan kebebasan sosial seperti cinta muda-mudi, kahwin paksa
- Persoalan kebangsaan
- Persoalan pelajaran orang-orang Melayu

Sementara itu, watak yang ditonjolkan berbentuk tipis dan tidak bulat. Yakni, diperkenalkan secara langsung oleh pengarang dan tidak berkembang secara natural. Gaya bahasa yang digunakan pula adalah dipengaruhi oleh corak pendidikan dan pekerjaan cerpenis.

Perkembangan Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua:

Tahun 1920-1930 an

- 200-500 patah perkataan
- Bentuk masih terpengaruh dengan sastra tradisional Melayu seperti pantun dan syair
- 65 buah cerpen hasil karya 42 orang cerpenis

Tahun 1940 an

- Kehadiran golongan wartawan dan guru menceburkan diri dalam bidang ini
- Tempoh kemuncak dengan jumlah karya yang diterbitkan sebanyak 106 buah cerpen

Perkembangan Cerpen

Dekad 1990-1999 merupakan zaman kebangkitan penulis-penulis muda dalam genre cerpen. Shahnnon Ahmad, Arena Wati dan Abdullah Hussain masih terus berkarya tetapi kurang kreatif seperti sebelumnya. Nama-nama cerpenis yang menjadi perhatian ketika itu seperti Zaen Kasturi, S.M. Zakir, Mawar Shafei dan Marsli N.O (hanya menyebut beberapa nama sahaja). Mereka tidak hanya menghasilkan teks cerpen yang menarik, malah berjaya menghasilkan penulisan cerpen kumpulan dan antologi (Mana Sikana, 2022: xviii).

9. NOVEL

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Memahami definisi novel
- Memahami perkembangan novel sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua
- Mengenali pelopor novel Melayu
- Memahami gaya naratif novel Melayu

PENGENALAN

Novel merupakan satu genre dalam kesusasteraan Melayu moden yang diperkenalkan kepada Masyarakat Melayu pada awal abad ke-20. Berasal dari Bahasa Itali iaitu *novella* yang membawa maksud “Perkhabaran Baru” atau “Cerita Pendek”. **Kamus Dewan Edisi Keempat** pula menjelaskan bahawa novel merupakan sebuah cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berakitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Novel kemudiannya dikembangkan oleh kesusasteraan Barat sehingga menjadikan suatu bidang penulisan yang popular. Kedatangan Inggeris pada awal abad ke-19 telah banyak mempengaruhi kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu.

Dalam tempoh abad tersebut juga, pengenalan alat cetak menjadi faktor kepada pertumbuhan penyebaran bahan bacaan yang kian meluas dengan membawa kemunculan akhbar Melayu pertama

bernama *Jawi Peranakan* pada tahun 1876. Dengan adanya perkembangan era baharu dala bidang Persuratan Melayu apabila akhbar dan majalah diterbitkan dengan banyak yang seterusnya membawa perkembangan kepada kemunculan golongan yang berminat ke arah penerbitan buku sekaligus mempengaruhi sikap dan konsep penulis Melayu terhadap cerita rekaan.

*Adakah kelahiran novel dapat dikatakan sebagai hasil daripada kegiatan sebelumnya ? **atau** apakah ia merupakan lanjutan daripada sastera tradisi ?*

Bagi menjelaskan perkara ini, harus dilihat bidang novel dari **dua sudut**.. Dari sudut pertumbuhan, kelahiran novel adalah disebabkan kegiatan terjemahan dan saduran sebelumnya. Perbandingan antara novel dengan sastera tradisi khususnya cerita penglipur lara, memiliki persamaan yang ketara antara kedua-dua bentuk ini. Tamsilannya, dari segi **penggunaan tajuk**. Selain itu, dari segi struktur plot novel, penggunaan **literary devices**, pelukisan watak dan sebagainya yang menunjukkan adanya pertalian antara bidang novel dengan sastera tradisi.

Tahun 1925, menjadi titik awal sejarah perkembangan novel Melayu Moden dengan terbitnya novel saduran “*Hikayat Faridah Hanum*” karya Syed Sheikh Al-Hadi yang membawa tema emansipasi wanita selain novel “*Iakah Salmah?*” oleh Ahmad bin Ahmad Rashid Talu. Karya Syed Sheikh Al-Hadi ini sekaligus mencatat sejarah sebagai pembuka zaman baru dalam bidang kesusasteraan Melayu moden. Selepas terbitnya beberapa buah novel beliau yang lain, didapati telah muncul ramai penulis-penulis lain yang kebanyakannya merupakan golongan guru dan wartawan. Antaranya, Abdul Rashid Talu yang telah menghasilkan sebanyak 12 buah novel pada ketika itu. Shamsuddin Salleh juga merupakan

seorang novelis lain yang produktif sebelum Perang Dunia Kedua dengan menghasilkan lebih kurang 50 buah novel. Kebanyakannya novel yang berbau politik dan semangat kebangsaan. Sejarah penulisan novel di Malaysia dikatakan lahir daripada peniruan Kesusasteraan Timur Tengah.

Tema atau persoalan yang dikemukakan seperti cinta dan kahwin paksa, kebebasan atau emansipasi wanita, ekonomi, moral dan sebagainya. Selain itu, tema nasionalisme juga menjadi pilihan penulis sebelum Perang Dunia Kedua. Apa yang dimaksudkan nasionalisme ialah gerak kesedaran masyarakat untuk menentukan nasib diri sendiri, bangsa dan negara bagi mencapai kebebasan dan kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati.

Sementara **plot** penceritaan yang disajikan agak mudah. Didapati kebanyakan plot novel pada masa itu tidak kemas dan pengolahannya kurang menelitikan teknik dan mengabaikan penggunaan hukum sebab akibat dalam naratif. Pada dasarnya, pengarang hanya mengemukakan watak utama dalam novel kemudian disusuli dengan dua atau tiga penentangan dan disertai dengan anti-klimaks. Sebagai sebuah cerita *adventure*, plot novel pada Sebelum Perang Dunia Kedua menyerupai plot cerita *adventure* tradisional khususnya pada pola cerita penglipur lara atau cerita Panji. Hal ini jelas kerana plot-plot novel tersebut menumpukan tiga bahagian dan diakhiri dengan kegembiraan.

Watak sebagai penggerak cerita dalam karya kreatif sangat memainkan peranan yang penting. Walaupun dikatakan novel-novel zaman sebelum Perang Dunia Kedua telahpun memperkenalkan watak manusia biasa, namun masih kekal menjadi boneka pengarang. Dengan erti kata lain, watak-watak ini tidak bergerak dengan sendiri sebaliknya dijadikan alat untuk menyalur pendapat pengarang itu sendiri. Secara umumnya pula, watak-watak tersebut terdiri daripada watak utama, watak sampingan dan watak *kodi*.

Watak *kodi* (*stock character*) ialah watak yang terdiri dari benda-benda yang tidak bernyawa tetapi digambarkan sebagai watak yang pandai berbicara. Salah satu contoh novel yang menggunakan **watak kodi** ini adalah novel “*Kawan Benar*”. Watak-

watak tersebut berfungsi untuk menghubungkan bahagian cerita untuk meleraikan ketegangan dan menjadi saluran kritikan pengarang. Perlukisan watak yang idealistis ini bertujuan sebagai unsur pengajaran kepada manusia lain.

Gaya bahasa novel-novel sebelum Perang Dunia Kedua masih mengekalkan **tradisi lama**. Selain itu, pengarang banyak terpengaruh dengan **gaya bahasa asing** yang merupakan pengaruh kaitan latar belakang, pendidikan dan pekerjaan penulis ketika itu.

“Gaya bahasa novel Sebelum Perang Dunia Kedua banyak menggunakan ayat yang panjang dan dialog al-khutbah” (Ismail Yusoff, 2008:170).

Perkembangan Novel

Pada dasarnya, penulis baharu akan berjinak-jinak dahulu dengan genre cerpen mahupun puisi. Kemudian akan beralih ke dunia penulisan novel setelah dapat memantapkan penulisan. Genre ini mempunyai ruang yang besar dan mempunyai serangkaian pemikiran yang perlu digulat dengan secukupnya. Ibarat mahasiswa yang perlu menulis esei dan kritikan sebelum menulis tesis atau kertas ilmiah. Mana Sikana (2022) berpendapat bahawa beliau percaya penulis yang bermula dengan cerpen akhirnya menulis novel (2022: xxii).

Perkembangan novel dalam dekad 90-an dikatakan lebih pesat daripada dekad sebelumnya, sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti. Peningkatan ini berlaku dalam penghasilan karya kreatif dan juga kritikan. Secara umumnya dapat dikatakan bahawa para

penulis dan ahli akademik semakin memandang serius dalam menangani bidang kesusasteraan dengan menghasilkan karya pelbagai aliran dan teknik. Satu jalur yang ketara ialah kepesatan penghasilan novel remaja dan popular. Kepesatan ini bukan sahaja berlaku pada judul novel malah pada senarai penulisnya. Umumnya, dekad ini juga telah menjadi medan kepada penulis bagi mempertingkatkan lagi jumlah karya dan memantapkan mutu penulisan mereka. Penerbitan novel dalam tahun 1990-1999 an memperlihatkan senario yang begitu memberangsangkan dengan kehadiran barisan penulis muda yang berbakat, di samping ketekalan penulis mapan termasuklah Sasterawan Negara Arena Wati, Shahnnon Ahmad dan Abdullah Hussain (2022: 274).

Ciri-ciri yang memungkinkan novelis berfungsi sebagai **pengkarya yang berkesan** menurut **Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya (2005)**:

1. Terbentuknya keinginan untuk mendedahkan dan membawa perubahan terhadap sesuatu situasi pada diri sendiri dan juga kepada orang lain.
2. Seorang novelis telah melihat sesuatu dengan jelas perlu mengungkapkan fenomena tersebut dengan jujur. Walaupun gagasannya dalam karya itu salah, namun novel yang dihasilkan mempunyai kekuatan kerana berupaya menulis dengan keihklasan.
3. Novelis juga perlu memiliki kepakaran untuk mengungkapkan hal-hal ini dengan jelas, indah dan halus sifatnya agar dapat menimbulkan kesan estetik dalam karya tersebut. Di samping itu, novelis juga diharapkan dapat bermain dengan kesan-kesan deria rasa, liat dan dengar melalui penyusunan kata-kata dan persembahan yang menarik. Melalui kesan-kesan inilah yang berupaya mencetuskan pemikiran baharu kepada diri pembaca dan keseluruhan manusia amnya.

“Kejayaan sesebuah novel sebagai karya sastera dapat dinilai daripada keupayaannya menjadi perantara sosial yang memungkinkan pemahaman dan penilaian semula nilai-nilai hidup” (2005: 125).

Oleh kerana sifatnya sebagai karya seni maka novelis mengemukakan realiti objektif dalam bentuk realiti imaginasi. Hakikat inilah yang menyebabkan novel kemudiannya dianggap sebagai ‘manifestasi sosial’ kehidupan manusia dengan mengambil kehidupan sebagai perisian atau ceritanya dan kreativiti serta keindahan berbahasa sebagai penyerinya (2005:122).

Key Takeaways

Bentuk-bentuk baru di dalam Kesusasteraan Melayu – cerpen, novel dan sajak lahir setelah tahun-tahun 1920-an.

- 1920 lahir cerpen Melayu pertama, “Kecelakaan Pemalas” yang disiarkan dalam majalah Pengasuh pada 4 Februari 1920 karya Nor bin Ibrahim (Madrasi).
- Penulisan novel dalam Kesusasteraan Melayu lahir pada tahun 1925 apabila Syed Sheikh Al-Hadi menghasilkan novel bertajuk “Hikayat Faridah Hanum”.
- Shaharom Husain dan Syed Alwi merupakan pelopor

drama moden Malaysia. Shaharom Hussain mementaskan drama “Pebelot” dan “Nasib Si Buta” pada tahun 1930 manakala Syed Alwi Alhadi mementaskan dua buah drama pada 1942 iaitu “Tarek ben Ziad Pahlawan Islam” dan “Hang Tuah Pahlawan Melayu”.

- Sajak pula muncul pada tahun 1934 dengan menyiarkan lima buah sajak di dalam Majalah Guru, Mac 1934. Karya penulisan Muhammad Yassin Makmur atau Punggok.

(Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2005)

10. DRAMA

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Memahami definisi drama
- Mengenalpasti ciri-ciri perbezaan drama tradisional dan drama baharu

BERKENALAN DENGAN DRAMA MELAYU MODEN

“Berbicara mengenai drama bermakna kita berada dalam dua cabang kesenian iaitu seni sastera dan seni pentas. Sesebuah drama yang ditulis dikatakan hanya akan sempurna penciptaannya apabila ianya dipentaskan”.

(Sahlan Mohd. Saman, 2005:148)

Sebagai karya sastera, drama juga termasuk dalam golongan cerita fiksiyen atau rekaan, sama seperti novel dan cerpen. Walau

bagaimanapun, Sahlan Mohd. Saman (2005: 148) menyatakan bahawa drama mempunyai perbezaan dengan genre sastera lain kerana daripada perspektif struktur dan persembahannya ia menuntut dua tahap penciptaan iaitu **menulis skrip** dan **pementasan**. Genre drama terdiri daripada **dua komponen** yang bergabung dalam kreativiti penciptaannya. **Drama** mempunyai dua dimensi, iaitu sebagai karya kesusasteraan yang disampaikan dalam **bentuk dialog** dengan tujuan untuk **dipentaskan sebagai seni pertunjukan**, dan **sebagai teks sastera** untuk **dihayati dan dikaji**.

Drama berasal daripada perkataan Yunani, “*dran*” yang membawa maksud ‘melakukan,’ ‘melakonan,’ ‘mencapai’. Kata drama juga meliputi sandiwara, bangsawan dan opera. Dengan kata lain, drama juga merujuk kepada satu lukisan hidup manusia yang dimainkan di atas pentas. Manakala, **teater** berasal dari perkataan Greek *theatron* yang bererti “to see atau to view”. Bagi **Aristotle**, plot lah yang menjadi penggerak utama sesebuah drama dan ianya harus dibina daripada **tiga kesatuan**, iaitu aksi, tempat dan masa. Elemen-elemen inilah justeru menyebabkan drama menjadi sebahagian daripada cabang sastera. Drama juga turut meliputi elemen lain seperti lakon, seni muzik, seni bina, seni busana dan seni tari. Drama tidak hanya sekadar dibaca tetapi untuk dilakonan di atas pentas, dengan penghayatan yang berbeza dari segi antara dibaca dengan pementasannya. Aristotle juga mentakrifkan drama sebagai aksi manusia yang ditiru. Drama boleh dicipta secara lisan atau tulisan. Teks yang dicipta secara lisan lebih mementingkan unsur persembahan daripada unsur sastera yang bertulis.

DRAMA (<u>TEKS</u>)	TEATER (PEMENTASAN)
<ul style="list-style-type: none"> • Lakonan • Skrip • Teks • <u>Penulis</u> • <u>Kreasi</u> • Teori 	<ul style="list-style-type: none"> • <u>Persembahan</u> • <u>Produksi</u> • Pentas • <u>Pengarah/Pelakon</u> • <u>Inteprestasi</u> • <u>Praktik</u>

Rajah: Perbezaan Drama dan Teater

Sumber: Sahlan Mohd. Saman, 2005

Meneliti sejarah kelahiran drama, pertamanya adalah percubaan mencari bentuk awal apa yang dikatakan drama. Hal ini kerana, dalam sejarah perkembangan drama telah mengalami banyak perubahan bentuk dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan masyarakat yang menghidupkannya. Dilihat dari sudut sejarah, kemunculan drama sama ada di Malaysia mahupun di Nusantara mempunyai hubungkait dengan upaca keagamaan atau kepercayaan (**Samin Bin Rabani, 2022: 21**).

Dari rituallah berkembangnya segala jenis hiburan dan seni drama. Ritual yang lahir pada zaman animisme. Dalam Masyarakat yang kurang unsur hiburan, lakon-tari dan pengucapan-nyanyian mantera pada mulanya mutlak untuk tujuan berkomunikasi dengan kuasa ghaib kemudiannya beransur-ansur menjadi sesuatu yang gemar ditonton yang membawa kepada bentuk hiburan. Dikatakan, hingga sekarang masyarakat Melayu masih mempunyai bentuk teater berfungsi begitu (**Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaafar, 2006:193**).

Secara umumnya, drama ialah lakonan yang dimaksudkan aksi yang dicipta oleh manusia untuk tujuan berkomunikasi secara simbolik dan dilakukan di hadapan penonton. Istilah yang tepat untuk kegiatan drama di Malaysia sejak beratus-ratus tahun dulu sehingga zaman kegemilangan bangsawan pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an ialah teater. Bangsawan adalah drama yang dipersembahkan dalam zaman peralihan drama tradisional kepada drama Melayu moden. Ia membawa pemikiran tentang pengadilan sosial dalam kehidupan masyarakat Melayu zaman tradisional. Tradisi teater di Malaysia ialah tradisi improvisasi, tradisi lisan. Pada era itu, dikatakan cerita-cerita drama yang dipentaskan tidak mempunyai naskah bertulis. Teknik lakon improvisasi yang terpakai dalam lakonan drama tradisional dan bangsawan menyebabkan lakonan drama tradisional tidak memerlukan skrip.

“Komunikasi secara simbolik ialah komunikasi melalui imej dan cerita yang imaginatif. Dengan erti kata lain, drama ialah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya.”

Dengan demikian, naskah bertulis atau istilah “skrip drama” tidak pernah wujud di dalam tradisi teater tradisional dan bangsawan. Maka, kewujudan skrip drama sahaja dengan sendirinya merupakan suatu perkara yang baharu dalam tradisi drama Melayu. Jika dilihat dari sudut drama itu sendiri, “Meriam Berpesawat” telah memulakan satu tradisi baru di dalam drama Melayu, ia telah menimbulkan satu gejala baharu di dalam drama, iaitu skrip bertulis. Walau bagaimanapun, karya ini bukanlah merupakan sebuah skrip drama yang ditulis mengikut teknik penulisan drama yang betul

kerana tidak memiliki pembahagian babak dan adegan serta tidak ada keterangan latar, malah ianya ditulis sebagai sebuah cerita biasa. Namun yang membezakannya daripada cerita biasa ialah struktur ceritanya yang mementingkan aksi dan dialog, yakni aksi yang dipersembahkan dengan jelas dan konkrit dengan begitu sahaja dapat diungkapkan ke atas pentas (**Hamzah Hamdani & Siti Aisah Murad**, 2004:224).

“Sebuah naskhah drama yang baik akan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pemikiran pengarang melalui unsur-unsur dramatik dalam dialog yang dihasilkan. Unsur dramatik ini bermaksud diksi atau ungkapan yang boleh membangunkan konflik dalam drama seperti dialog yang menimbulkan pelbagai emosi. Sebuah drama yang baik juga harus mempunyai unsur suspens, ketegangan dan seharusnya membina rasa ingin tahu pembaca atau penonton.”

Menulis Skrip Drama

Meskipun drama melalui fasa kejatuhan, namun perubahan dan perkembangan dekad 90-an merupakan satu fasa yang amat menarik, ghairah dan memberangsangkan dalam dunia teater Melayu. Dekad ini juga dikenali sebagai dekad yang mengetengahkan kecanggihan teknologi teater (produksi teater), kecanggihan prasarana teater dan kemewahan produksi teater. Dengan bangkitnya semula teater dalam dekad 1990-an ini setelah keletihan dan kemalapan dunia teater pada dekad 1980-an yang diakibatkan oleh kemunculan teater absurd-ala-Malaysia dalam

dekad 1970-an, akhirnya mendorong kepada kesedaran kerajaan dan aktivitis teater akan hakikat ini dan cuba memulihkan keadaan dengan mengubah corak pementasan (**Mana Sikana, 2022: 408**).

Teater Dekad 1990-1999

a) Drama Baharu

Menerusi perkembangan drama Melayu dalam tahun 1990-an, skrip baharu ditulis baik oleh dramatis veteran mahupun oleh orang baharu atau orang muda yang mula berkecimpung dalam dunia teater. Pada tahap yang paling dasar, drama ini kebanyakannya meneliti kembali sejarah negara Malaysia, landskap kepelbagaian budaya, agama serta etni yang berbeza dengan tujuan untuk lebih menjadi prihatin dengan *psyche* Melayu dan jati diri bangsa Melayu. Drama-drama baharu ini menyerlahkan karya yang didominasi oleh sejarah lampau. Kategori drama/persembahan ini menyerlahkan produksi yang menghidangkan tema tertentu dengan gaya yang realistik, simbolik atau surealistik dan dalam bentuk “muzikal”. Drama muzikal dalam konteks Malaysia. Misalnya, “*Keris Sang Puteri*” yang telah menjadi produksi pertama untuk pembukaan rasmi Panggung Negara.

b) Teater Wanita

Maksud teater wanita bukanlah semata-mata teater yang dibuat oleh wanita untuk wanita atau teater yang hanya memaparkan tentang isu-isu gender semata-mata. Yang dimaksudkan dengan teater wanita ialah sesuatu yang agak sederhana, dalam dunia pementasan, terdapat ramai wanita yang terlibat, sama ada sebagai penulis drama, pengarah, pelakon, pengkritik mahupun sebagai produser. Pada tahap paling asas, wanita yang digambarkan sebagai penulis atau sebagai seorang pengkritik wanita ialah manusia wanita yang malang. Meskipun tanggapan sebagai wanita air mata tetapi drama mereka menjadi juga wanita ikhtiar yang akan membela nasib

dan memperbaiki kehidupan mereka meskipun watak wanita yang diketengahkan masih mengamalkan *status quo*.

c) Teater Kanak-kanak

Meskipun teater kanak-kanak diabaikan atas faktor penglibatan kanak-kanak dalam dunia pementasan dan kerisauan ibu bapa pada ketika itu sekiranya terpaksa mengorbankan prestasi persekolahan. Namun demikian, dekad 1990-1999 memberi satu perubahan dan perkembangan yang baik bahawa hakikatnya teater kanak-kanak mula mendapat perhatian dan berjaya menarik minat khalayak. Dengan adanya produksi besar, perbelanjaan yang besar serta galakan untuk mengambil bahan daripada cerita rakyat bagi merangsang minda muda. Set yang dicernakan di atas pentas teater kanak-kanak sangat mengagumkan. Kanak-kanak sudah pun menggunakan kecanggihan multimedia untuk menyerlahkan teater mereka.

d) Drama Terjemahan, Teater Adaptasi

Perkembangan drama Melayu semakin rancak dalam dekad 1990-1999 apabila pementasan drama yang diterjemahkan dan diadaptasi pada prasarana pentas Melayu. Menurut Mana Sikana (2022: 416), adaptasi ini termasuklah daripada drama Yunani, drama Shakespeare, mahupun daripada novel. Misalnya, *Bakai* ialah satu pementasan yang diserlahkan dalam milieu negeri Sarawak dan diadaptasikan ke dunia Melayu. Sementara karya Shakespeare seperti *Macbeth* dan *Hamlet* yang terkenal dan dipentaskan dalam era kegemilangan pentas bangsawan.

Rahmah Bujang (Mana Sikana 1995, 30) telah membahagikan konsep drama kepada lima iaitu:

1. Drama merupakan suatu bentuk seni yang bersifat dramatik
2. Drama merupakan seni pengucapan
3. Drama merupakan seni persembahan
4. Drama merupakan seni tontonan
5. Drama merupakan seni yang mencakupi penglibatan dan usahasama antara penggiat dan penggemarnya

Jenis-jenis Drama

Secara umumnya, terdapat tiga jenis drama, iaitu:



Apakah FUNGSI drama ?

Sudah semestinya setiap drama yang dihasilkan ada tujuannya ! Kreativiti sastera pastinya terarah kepada fungsi kemanusiaan dan fungsi penciptaannya. Tahukah anda, pengarang yang menghasilkan sesebuah drama itu sebenarnya terdorong oleh rangsangan dalaman dan persekitarannya hingga mempengaruhi struktur drama yang dihasilkan. Dari aspek **fungsi** penciptaannya dapat dilihat dari **dua segi**.

Bagaimanakah sebuah drama itu dianggap BERJAYA ?

Bagi menjayakan sesebuah drama, unsur-unsur kemanusiaan haruslah diwujudkan. Drama dihasilkan bukanlah sekadar bertujuan sebagai hiburan semata tetapi untuk renungan masyarakat, **yakni dari manusia untuk manusia**. Menurut Sahlan Mohd. Saman (2005:154), sebuah drama yang berjaya ialah drama yang dapat memancing perasaan dan fikiran khalayak, dapat memperbaiki moral manusia dan membincangkan sifat-sifat jiwa atau psikologi manusia. Maka, dapat disimpulkan unsur-unsur kemanusiaan amat penting dalam cerita dan pemikiran yang ingin disampaikan kepada khayalak.

Ciri-ciri DRAMA

- Merupakan prosa moden yang dihasilkan sebagai naskhah untuk dibaca dan dipentaskan.
- Naskhah drama boleh berbentuk prosa atau puisi.
- Terdiri daripada dialog dan watak yang diwujudkan.

- Pemikiran pengarang disampaikan menerusi watak-wataknya.
- Konflik ialah unsur yang penting untuk menjadikan sebuah drama itu dianggap baik atau berhasil.
- Mementingkan gaya bahasa sebagai gambaran kepada latar masa dan masyarakat yang diwakilinya.

Secara tuntasnya, tidak dinafikan bahawa perkembangan drama mutakhir baik dari segi penulisan skrip atau pementasan pada dasarnya turut dipengaruhi oleh kemunculan teori-teori baharu. Ambang pascamoden memberi impak kepada corak dan bentuk drama yang dihasilkan. Teori-teori seperti intertekstual, semiotik, new-historisisme, teksdealisme dan sebagainya yang diaplikasikan dalam drama pada awalnya terkenal dengan pendekatan dan metodologi kritikan tetapi akhirnya berkembang menjadi sebuah teori drama yang memberi kepentingan dalam bidang penulisan skrip dan pementasan teater yang pada mulanya digunakan dalam bidang sastera fiksi seperti novel dan cerpen kemudiannya menular ke genre drama.

II. SAJAK

PUISI MODEN

“Seseorang yang hendak menulis puisi hendaklah pula mempersiapkan dirinya. Dia mestilah banyak membaca puisi, karya banyak penyair. Dengan ini, secara tidak langsung dia mempelajari puisi. Dia juga mestilah banyak membaca bahan bacaan yang lain bagi memperluaskan kosa kata dan mendapat idea untuk menulis puisi. Dia juga mesti sering menghasilkan puisi sebagai latihan untuk menimbulkan ketrampilan dalam penulisan puisi. Tidak hanya itu, seorang penulis juga mestilah memiliki kesabaran dan bersedia untuk menyendiri. Ini bertujuan sebahagian kecil tuntutan yang diperlukan sebagai persediaan untuk seseorang menulis puisi”.

Definisi

Jika diteliti definisi puisi moden atau juga dikenali sebagai sajak maka pelbagai tafsiran yang akan ditemui dan dapat dipelajari bahawa sajak membawa maksud sebuah bentuk “puisi bebas”. Mahusin Jusoh et.al. dalam buku Bahasa Alam (1985), puisi moden merujuk kepada puisi yang bebas daripada sebarang ikatan yang terdapat dalam puisi tradisional. Mementingkan keberkesanan pengucapan melalui pemilihan dari pemakaian kata-kata yang saling menumpang dan terjalin menurut erti dan ritma. Sajak atau puisi moden boleh dilihat pada konteks perkataan ‘moden’ itu sendiri. Perkataan moden merangkumi suasana yang dibayangkan melalui kata-kata yang digunakan oleh penyair. Ertinya dalam sajak akan ditemui suasana zaman baharu yang membalut idea-idea moden, sikap moden dan banak hal lagi yang berkaitan dengan ideologi atau falsafah moden. Yakni mencerminkan masyarakat moden yang

menitikberatkan aspek individualistik seperti nama penulis yang dicatat dalam karya sebagai pencipta. Hal ini tidak berlaku dalam puisi tradisional kerana karya yang dihasilkan adalah bersifat kolektif. Menurut Rahman Shaari (1987: 76) sajak telah muncul di Malaysia pada tahun 1990-an sementara telah wujud di Indonesia pada tahun 1920an. Sajak wujud daripada perubahan sikap, pemikiran, pandangan hidup dan beberapa aspek kehidupan hasil daripada pengaruh Barat. Puisi moden juga dikatakan sebagai puisi bebas kerana penyimpangan-penyimpangan yang membezakan bentuknya daripada puisi tradisional. Rahman Shaari membahagikan sajak kepada dua jenis iaitu sajak bebas (*free verse*) iaitu sajak yang tidak terikat pada sebarang bentuk tertentu dan juga sajak konkrit (*concrete verse*) iaitu sajak yang mementingkan aspek penglihatan. Jelasnya, **“sajak berdiri sebagai ranting daripada dahan puisi, manakala puisi pula berasal daripada pedu sastera”**. Sementara daripada sudut pandangan Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2007), sajak ini satu karangan berangkap yang mengandungi susunan bahasa yang istimewa, menarik, elok, indah, imaginatif, kreatif dan mempunyai makna yang tersurat dan tersirat dengan jumlah perkataan yang minimum atau sesuatu bentuk pengucapan yang memiliki pemikiran, susunan perkataan yang Istimewa daripada ucapan sehari-harian. Kelahirannya di alam Melayu disebabkan oleh beberapa faktor, seperti perkembangan pengaruh Islam, modenisasi dalam kesusasteraan dan pengaruh kesusasteraan tradisional. Sajak dikatakan sebagai **karya sastera yang sangat puitis dan sarat dengan unsur estetika** kerana aspek puitis yang menghadirkan estetika itu membezakan puisi dengan prosa (Abdul Halim Ali, 2003: 28). Penciptaan sajak ini bertujuan untuk menciptakan kepuhitan atau membentangkan imaginatif yang puitis secara puitis (Atmazaki, 1993: 14). Sajak menjadi indah kerana kehadiran puisi di dalamnya. Puisi itu sendiri adalah hakikatnya keindahan yang menjelma dalam kata-kata (Kleden, 1983). Sajak juga merujuk kepada puisi Melayu moden yang bebas sifatnya dan tidak pula terikat pada pola tertentu serta digubah dengan bahasa yang indah untuk menyatakan fikiran, perasaan dan pengalaman. Proses memaparkan pemikiran yang

membangkitkan perasaan, rangsangan imajinasi, pancaindera dalam suasana bahasa yang indah dan berirama. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk mendapatkan makna yang jitu tentang puisi dan mustahil untuk bergantung kepada satu definisi sahaja bagi memahami puisi moden ini. Dalam menghasilkan penulisan puisi moden atau sajak, seseorang penulis itu perlu tahu bagaimana menghasilkan puisi yang bermutu agar dapat menyampaikan nilai estetika sajak itu sendiri kepada khalayak pembaca.

Puisi sebagai karya seni itu puitis. Bagaimanakah sifat yang disebut puitis ?

Khususnya dalam karya sastera, disebut puitis bila karya itu membangkitkan perasaan, menarik perhatian, menimbulkan tanggapan yang jelas, secara umumnya bila hal itu mampu menimbulkan keharuan disebut puitis. Perlu difahami bahawa puisi itu merupakan sebuah struktur yang kompleks, maka perlu dianalisis untuk memahaminya secara penuh (Rachmat Djoko Pradopo, 2002: 13).

Puisi yang bermutu

Bagi menghasilkan sebuah penulisan puisi yang bermutu, puisi tersebut perlulah memiliki keseimbangan antara bentuk luaran dengan bentuk dalamnya. Keseimbangan inilah yang mencungkil keindahan Bahasa dan keindahan makna pada sebuah puisi. Bentuk luaran ialah ciri-ciri yang membina sesebuah puisi itu. Yakni, dari segi baris, bunyi, pemilihan kata, Bahasa figuratif, kata konkrit, kata abstrak, penyimpangan Bahasa dan tipografi merupakan bentuk

luaran puisi tersebut. Struktur dalaman puisi pula yang merujuk kepada tema, perasaan, nada atau sikap dan mesej. Tema adalah idea utama yang hendak disampaikan oleh seorang penyair dalam sesebuah puisi. Tema keagamaan, tema kemanusiaan, dan nasionalisme, ekonomi dan politik merupakan antara tema yang biasanya diketengahkan dalam sesebuah puisi. Demikian pula suasana perasaan penyair seperti sedih, gembira, benci, marah, simpati dan sebagainya juga dapat dihayati oleh pembaca menerusi bait-bait kata dalam puisi yang dihasilkan. Sikap seorang penyair seperti mengejek, menasihati sesuatu, menggurui, dan menceritakan sesuatu kepada pembaca. Sementara mesej pula ialah perkara yang mendorong seseorang penyair tersebut menulis puisi yang ingin disampaikan kepada khalayak pembaca menerusi mesej yang tersirat di sebalik tema yang diungkapkan dalam karyanya.

12. ESEI KRITIKAN SASTERA DALAM KESUSASTERAAN MELAYU MODEN

Objektif Pembelajaran:

- Memahami definisi kritikan sastera
- Memahami fungsi dan kepentingan esei kritikan sastera
- Mengenalpasti jenis-jenis kritikan

Pengenalan

Seiring dengan pertumbuhan Kesusasteraan Melayu Moden, esei kritikan merupakan salah satu genre yang wajar dipelajari selain cerpen, novel, drama dan puisi. Dalam konteks penulis esei kritikan yang semakin bergiat secara prolifik dan berterusan (1990-1999), tidak dinafikan bahawa sebilangan besarnya terdiri daripada penulis esei kritikan sastera yang telah memainkan peranan penting pada dekad **70-an sehingga 80-an dan mempunyai latar belakang pendidikan serta giat dalam bidang kesusasteraan.. Terdapat 3 kategori penulis esei kritikan.**

Bil.	Kategori	Penerangan
1.	Golongan yang berminat, berpotensi dan berbakat	Bertanggungjawab mengendalikan suatu ruang yang dikhaskan untuk menviarkan karya kesusasteraan Melayu dan kerja terjemahan dalam genre kreatif dan bukan kreatif.
2.	Tenaga Pengajar	Tenaga pengajar dalam bidang pengajian Melayu di universiti dalam negara. Selain itu, tenaga pengajar di maktab perguruan. Golongan ini menutarakan esei kritikan bersandarkan teori atau pendekatan yang dikuasi mahupun pengalaman dan percubaan praktis. Mementingkan nilai, pemikiran dan sarana yang bernas dan tajam.
3.	Para Penulis Esei Kritikan Sastera	Ada dalam kalangan mereka yang berada dalam posisi bebas dan ada juga yang terikat pada sesuatu institusi penerbitan dan percetakan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka. Golongan ini juga mempunyai kelulusan akademik dan pengetahuan dalam bidang kesusasteraan dan kritikan yang luas dan baik.

Jadual: Sumber: Mana Sikana. 2022. Kesusasteraan Melayu Moden 1990-1999. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, faktor yang mendorong kepada penyebaran luas semua esei kritikan sastera juga dibantu dengan sokongan dan kerjasama wadah penyalur khususnya **media cetak**.

Definisi dan Pandangan Esei Kritikan Sastera

Dalam meneliti esei dan kritikan sastera adalah wajar untuk memahami makna dan pandangan tokoh terdahulu agar lebih jelas apa yang dimaksudkan dengan esei kritikan. Pada dekad 1960-an, Gayley dan Scott menggariskan ciri-ciri kritikan merangkumi proses mencari kesalahan dalam karya yang dihasilkan, menilai sesebuah karya, usaha untuk membandingkan dengan karya lain dan menimbulkan rasa untuk menikmati atau mengekspresi sesebuah karya yang dikaji. Hakikatnya, kritikan sastera lebih dari sekadar apresiasi sastera. Malah, merangkumi huraian, analisis yang kritikal dan pendukung dengan pentafsiran tentang kesusasteraan. Rahman Shaari dalam buku yang bertajuk “Kritikan Sastera Melayu: Pendekatan dan Pemikiran”, beliau telah membahagikan kritikan sastera kepada tiga kategori secara umumnya iaitu esei, kritikan praktis dan kritikan teoritis (Sahlan Mohd. Saman, 2005: 177).

Bil	Jenis <u>Kritikan</u>	<u>Penerangan</u>
1.	Esei	Tulisan tentang sastera sama ada berbentuk kajian atau pandangan berdasarkan keadaan semasa atau Sejarah sastera atau hubungan sastera dengan Masyarakat dan lain-lain.
2.	<u>Kritikan Teoris</u>	Tulisan <u>kritikan</u> yang <u>menyentuh</u> <u>dasar</u> <u>karya</u> <u>sastera</u> <u>berdasarkan</u> <u>teori</u> .
3.	<u>Kritikan Praktis</u>	Tulisan yang <u>dihasilkan</u> oleh <u>pengkritik</u> dan <u>sarjana</u> Hashim Awang, Ramli Isin, Mohd. Yusof Hassan, Mana Sikana, S.M. Zakir, Faisal Tehrani, <u>Imlan Adabi</u> dan lain-lain.

Jadual Jenis Kritikan Idea: Penulis Sumber: Sahlan Mohd. Saman (2005: 177)

Bentuk dan Sifat Esei Kritikan

Dalam konteks pembaca dan peneliti (Mana Sikana, 2022: 474), peneliti yang kritis dan bertujuan untuk menghayati dan memahami isu, teori dan pendekatan serta pemikiran yang dibincangkan sudah pasti mendapat kesan adanya perbezaan daripada isu dan pemikiran yang dibincangkan dan dianalisis dalam esei kritikan sastera yang disiarkan pada era 1980-an.

Kesan dalam konteks perkembangan esei kritikan sastera terlihat dari segi kualiti dan kuantitinya. Kebanyakan penulis yang menghasilkan esei kritikan kesusasteraan yang serius itu sentiasa berlandaskan ilmu, disiplin, teori atau pendekatan yang sesuai dengan sesuatu isu atau topik yang menjadi pemikirannya. Kebanyakan esei kritikan yang dihasilkan oleh beberapa penulis yang terdiri daripada tenaga pengajar dalam bidang kesusasteraan mahupun bukan tenaga pengajar tetapi berkecimpung dalam bidang kesusasteraan ialah esei kritikan yang dapat digolongkan dalam kategori esei kritikan sastera yang bernilai berserta isu dan pemikiran yang diutarakan mencabar minda pembaca. Antara pemikiran dan wawasan yang menarik dapat dikesan dalam esei kritikan sastera yang disiarkan ialah meliputi aspek perbincangan teori, konsep, aliran, tokoh, gagasan, metodologi, pengarang dan kepengarangan serta pemikiran tentang polemik kesusasteraan (200:477-481).

Fungsi Esei Kritikan Sastera

- Secara tradisional, fungsi kritikan ialah untuk menilai karya dalam konteks mengecam atau memuji dan membezakan antara kelemahan dan keindahan dalam sesebuah hasil karya.
- Secara moden yang mementingkan rasionalisme, fungsinya telah beralih kepada yang lebih positif dan baik. Teguran bersifat membina dan lebih berkesan.
- Pembaca lebih faham tentang sesebuah karya, daya dan taraf penghayatannya semakin jelas dan lebih baik setelah membaca mengenai kritikan sesuatu karya.

Kesimpulannya, kritikan esei sastera adalah bertujuan dan berfungsi sebagai penyuluh, penerang liku-liku gelap serta penghubung antara karya dengan masyarakat pembaca. Justeru itu, kritikan mestilah bersifat membimbing dengan matlamat

meningkatkan mutu karya yang dihasilkan. Mendukung kenyataan Sahlan Mohd. Saman (2005: 182), bahawa seorang kritikawan perlu tahu proses penciptaan dan proses penilaian yang baik serta berkesan. Tanpa golongan kritikawan, sudah pasti karya-karya sastera menemui jalan buntu untuk penilaian. Penilaian adalah penting untuk ditelitikan bagi memastikan kedudukan sesuatu karya itu. Demikian juga, tanpa penulis-penulis yang bertungkus-lumus memeras fikiran dan kreativiti mereka dalam menghasilkan sebuah karya, maka fungsi kritikawan juga tidak bermakna. Dengan itu, kedua-dua golongan ini saling berkait rapat dalam proses perkembangan kesusasteraan Melayu moden sehingga hari ini.


Ringkasan

- Kritikan sastera merupakan usaha membaca, menganalisis dan membuat penilaian terhadap sesuatu teks sastera dan usaha ini berlandaskan kepada teori sastera yang digunakan.
- Teori sastera menyediakan kriteria-kriteria yang akan digunakan oleh pengkritik sastera untuk membuat penilaian terhadap teks yang ingin dianalisis.
- Mengenal dan memahami sastera itu perlu diutamakan sebelum kritikawan memilih kritikan sastera yang hendak digunakan sebagai wahana untuk menilai sesuatu teks.

13. IMBAS SEMULA

RINGKASAN SASTERA MELAYU TRADISIONAL DAN MODEN

Perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional dan moden memberikan



Gambar Rajah Ringkasan Sastera Tradisional dan Moden



Sumber: **Dewan Bahasa dan Pustaka**

PART III


SASTERA DI ERA DIGITAL: SATU EVOLUSI

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Memahami peralihan dan perkembangan sastera lisan, sastera tulis sehingga sastera digital
- Mengenal jenis-jenis sastera digital

Pengenalan

Perkembangan ilmu dalam pelbagai bidang hari ini telah memberi impak terhadap tahap perkembangan pengajian kesusasteraan Melayu termasuklah ilmu sains dan teknologi. Perkembangan teknologi mempengaruhi kehidupan sejangkit sehingga mempengaruhi bidang penulisan dan sastera. Teknologi digital telah menerajui gerbang pengajian kesusasteraan Melayu dengan munculnya kajian sastera digital hari ini. Seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian satu iaitu pengenalan kepada kesusasteraan Melayu Tradisional bahawa sebelum kewujudan teknologi mesin cetak, media dan komputer malah sebelum manusia tahu membaca dan menulis lagi sastera telah berkembang melalui sastera lisan yang memiliki nilai estetikanya tersendiri.



Gambar rajah : Evolusi Sastera Melayu Tradisional-Moden-Era Digital
Sumber: Idea asal penulis

Menyingkap sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu hari ini, tradisi lisan muncul apabila dikatakan dunia Melayu mula menerima pengaruh luar iaitu dari India namun **sistem tulisan** yang diperkenalkan tidak meluas dan akhirnya pupus. Kemudian sistem tulisan Jawi berdasarkan sumber al-Quran telah diperkenalkan dengan kedatangan agama Islam yang kemudiannya disesuaikan dengan sebutan dalam bahasa Melayu. Istana merupakan pusat perkembangan kesusasteraan dan melahirkan tokoh-tokoh sasterawan Melayu yang menghasilkan karya sama ada asli atau salinan semula.

Seiring dengan era pendigitalan, karya sastera dapat dinikmati dengan lebih meluas dan tidak hanya secara konvensional. Sastera digital atau **pendigitalan sastera** menampilkan bahan sastera dalam bentuk digital yang disajikan dalam pelbagai media seperti teks, audio, visual, imej dan audio-visual. Dengan adanya perkembangan teknologi maklumat yang sedia ada sehingga hari ini membolehkan sesuatu bidang diterokai oleh khalayak ramai tanpa batas dan di mana juga berada. Pelbagai elemen multimedia dan platform digital wujud hari ini dalam arus perkembangan kesusasteraan Melayu. Tamsilannya *e-book*, *podcast*, *audiobook*, *blogspot* dan sebagainya dalam bentuk media digital.

Buku audio merupakan buku yang berbentuk suara yang dirakam oleh seseorang pencerita. Yakni boleh diakses pada bila-bila masa dengan hanya menggunakan peralatan elektronik dan teknologi seperti radio, pita rakaman, telefon pintar mahupun

komputer. Pada tahun 1877, buku audio telah diperkenalkan oleh Thomas Edison dengan memperkenalkan alat perakam pertama, iaitu fonograf. Beliau membaca dan merakam *Mary had a little lamb* yang merupakan bacaan pertama kanak-kanak ketika itu (2021: 19).

Demikianlah dengan memetik kenyataan Baskin dan Harris (1995: 372-376) bahawa konsep buku audio adalah seperti kesusasteraan awal dahulu, iaitu "*first literature was heard not read*". Buku audio (*audiobooks*) merupakan sebuah buku yang diversikan dalam bentuk audio dan terdapat pembaca yang membaca buku tersebut kemudian akan dirakam dalam bentuk suara. Apa yang lebih menarik lagi, pembaca yang merakam suara perlu mahir mengolah kata dengan bahasa verbal secara kreatif agar tidak membosankan pendengar (Madiawati Mamat, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Nurhamizah Hashim dan Nur Asyirah Hazari, 2021: 17). Kajian-kajian lepas seringkali memberikan penelitian dalam konteks sejauh mana kah keberkesanan buku audio dapat membantu pelajar sekolah serta pelajar berkeperluan khas dalam meningkatkan prestasi keseronokan membaca, meningkatkan kemahiran pemahaman di kalangan pelajar dan kesannya secara psikologi kepada pembaca. Kajian mengenai buku audio masih agak kurang ditelitikan secara rinci melainkan perbincangan secara umum.

Sejarah perkembangan buku audio di Malaysia dapat dilihat dengan adanya rakaman-rakaman buku oleh syarikat penerbitan atau institusi-institusi tertentu. Sebagai contoh, Nusantara Audiobooks yang telah ditubuhkan pada tahun 2017 ialah platform yang menawarkan buku audio yang menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia yang mengangkat karya-karya agung atau klasik yang bersifat Nusantara sekaligus merupakan buku audio tempatan pertama di Malaysia.

14. PENGENALAN

Seiring dengan era pendigitalan, karya sastra dapat dinikmati dengan lebih meluas dan tidak hanya secara konvensional. Sastra telah mengalami perubahan yang signifikan dan pelbagai jenis sastra baru yang muncul atau disesuaikan ke dalam bentuk digital. Dengan adanya perkembangan teknologi maklumat yang sedia ada sehingga hari ini membolehkan sesuatu bidang diterokai oleh khalayak ramai tanpa batas dan di mana juga berada. Pelbagai elemen multimedia dan platform digital wujud hari ini dalam arus perkembangan kesusasteraan Melayu. Tamsilannya *audiobook* (buku audio) *e-book*, *podcast*, *blogspot* dan sebagainya dalam bentuk media digital.

Audiobook atau buku audio merupakan buku yang berbentuk suara yang dirakam oleh seseorang pencerita. Yakni boleh diakses pada bila-bila masa dengan hanya menggunakan peralatan elektronik dan teknologi seperti radio, pita rakaman, telefon pintar mahupun komputer. Pada tahun 1877, buku audio telah diperkenalkan oleh Thomas Edison dengan memperkenalkan alat perakam pertama, iaitu fonograf. Beliau membaca dan merakam *Mary had a little lamb* yang merupakan bacaan pertama kanak-kanak ketika itu (2021: 19).

Demikianlah dengan memetik kenyataan Baskin dan Harris (1995: 372-376) bahawa konsep buku audio adalah seperti kesusasteraan awal dahulu, iaitu "*first literature was heard not read*". Buku audio (*audiobooks*) merupakan sebuah buku yang diversikan dalam bentuk audio dan terdapat pembaca yang membaca buku tersebut kemudian akan dirakam dalam bentuk suara. Apa yang lebih menarik lagi, pembaca yang merakam suara perlu mahir mengolah kata dengan bahasa verbal secara kreatif agar tidak membosankan pendengar (Madiawati Mamat, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Nurhamizah Hashim dan Nur Asyirah Hazari, 2021: 17). Kajian-kajian lepas seringkali memberikan penelitian dalam konteks sejauh mana kah keberkesanan buku audio dapat membantu pelajar

sekolah serta pelajar berkeperluan khas dalam meningkatkan prestasi keseronokan membaca, meningkatkan kemahiran pemahaman di kalangan pelajar dan kesannya secara psikologi kepada pembaca. Kajian mengenai buku audio masih agak kurang ditelitikan secara rinci melainkan perbincangan secara umum.

Sejarah perkembangan buku audio di Malaysia dapat dilihat dengan adanya rakaman-rakaman buku oleh syarikat penerbitan atau institusi-institusi tertentu. Sebagai contoh, Nusantara Audiobooks yang telah ditubuhkan pada tahun 2017 merupakan sebuah platform yang menawarkan buku audio yang menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia yang mengangkat karya-karya agung atau klasik yang bersifat Nusantara sekaligus merupakan buku audio tempatan pertama di Malaysia.

Glosari

Drama

Tiga unsur drama:

- 1) Cerita
- 2) Diceritakan dalam bentuk lakonan
- 3) Pelakon

(Ismail Yusoff, 2008: 219)

Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru. 2008. Penerbit Universiti Utara Malaysia.

(Othman Puteh, 2004: 155)

Hamzah Hamdan & Siti Aisah Murad. 2004. Kesusasteraan Melayu Moden (1920-1940). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

3 kategori penulis esei kritikan

- 1) Berminat, berpotensi dan berbakat dalam menghasilkan esei kritikan
- 2) Terdiri daripada tenaga pengajar
- 3) Para penulis esei kritikan sastera

70-an dan 80-an.

- 1) Hashim Awang
- 2) Mohd. Yusof Hasan
- 3) S. Othman Kelantan
- 4) Othman Puteh
- 5) Mana Sikana
- 6) Ungku Maimunah Mohd. Tahir
- 7) Umar Junus

- 8) Md. Salleh Yaapar
- 9) Noriah Taslim
- 10) Siti Hawa Salleh
- 11) Muhammad Haji Salleh
- 12) Shafie Abu Bakar

lisan mahupun tulisan,

- 1) Yang berbentuk cerita, kisah atau naratif.
- 2) Yang berbentuk bukan cerita, bukan kisah atau bukan naratif.

Arab dan Farsi.

"Musang Berjanggut", "Abu Nawas" & "Khoja Nasyarudin".

Aristotle

<https://lamanweb.dbp.gov.my/menulis-skrip-drama/>

CERITA ASAL-USUL

Bermula daripada cerita benar. Asal usul satu-satu tempat, mendapat nama daripada peristiwa yang terjadi.

CERITA BINATANG

"Yang menariknya dalam cerita binatang ialah watak-watak binatang seperti manusia. Yakni berfikir dan bertindak seperti manusia" (Aripin Said, 2015: 51).

Cerita rakyat

Kamus Kesusasteraan. 2015. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Cerpen

<http://rujukan.dbp.gov.my/index.php/pages/view/111>

Dari segi bentuk

Definisi puisi moden

[https://www.scribd.com/doc/105666445/Puisi-Melayu-Moden#:~:text=Menurut%20Rahman%20Shaari%20\(1987\)%2C,Shaari%2C%20198%3A76](https://www.scribd.com/doc/105666445/Puisi-Melayu-Moden#:~:text=Menurut%20Rahman%20Shaari%20(1987)%2C,Shaari%2C%20198%3A76)

Dewan Bahasa dan Pustaka

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari?keyword=sastera+rakyat&d=175768&>

DRAMA

<https://lamanweb.dbp.gov.my/menulis-skrip-drama/>

Drama dua dimensi

Kamus Kesusasteraan. 2014. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

dua

Dari segi bentuk

dua komponen

- 1) Penulisan skrip (drama)
- 2) Pementasan (teater)

dua sudut.

1. Dari sudut pertumbuhan.
2. Berdasarkan karya itu sendiri.

empat corak

- (i) Epik binatang
- (ii) Cerita sebab dan akibat
- (iii) Cerita asal usul
- (iv) Fable

fungsi drama

- 1) Fungsi penciptaan drama itu sendiri
- 2) Konseptual manusia.

Fungsi drama dari dua segi

- 1) Hiburan dan pendidikan
- 2) Menyampaikan nilai-nilai kehidupan yang baik demi kesejahteraan manusia

gaya bahasa asing

Raja Mansor dan Shamsuddin Salleh - gaya bahasa Indonesia.
Syed Sheikh Al-Hadi - Bahasa Arab
Ahmad Rashid Talu - gaya bahasa bersifat koloquil
(ungkapan/dialek/perkataan Pulau Pinang)
Ishak Haji Muhammed - gaya bahasa kewartawanan.

Hamzah Hamdani & Siti Aisah Murad

Hamzah Hamdani & Siti Aisah Murad. 2004. Kesusasteraan Melayu Moden. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Harun Mat Piah, 1993

Penyelenggara Majlis Peperiksaan Malaysia. 2003. Mutiara Sastera Melayu Tradisional. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Ismail Yusoff (2008)

[https://www.academia.edu/39803045/
Sejarah_pertumbuhan_dan_perkembangan_Sajak](https://www.academia.edu/39803045/Sejarah_pertumbuhan_dan_perkembangan_Sajak)

Ismail Yusoff, 2008: 153

Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru. 2008. Penerbit Universiti Utara Malaysia.

James Danandjaja

Danandjaja, J. 1986. Folklor Indonesia: Ilmu Gossip, Dongeng dan Lain-lain. Jakarta: Grafitipers.

Jenis sastra rakyat

Berbentuk cerita dan bukan berbentuk cerita

Kamus Dewan Edisi Keempat

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=novel&d=175768&>

Kesusasteraan

Hasil seni yang diwujudkan dengan bahasa

Kesusasteraan rakyat

Kisah Para Nabi & Tokoh-Tokoh Islam

- 1) Cerita sekitar kehidupan Nabi Muhammad s.a.w
- 2) Cerita tentang tokoh-tokoh dan keluarga Rasulullah
- 3) Cerita Nabi dan Rasul yang lain
- 4) Cerita tokoh-tokoh Islam
- 5) Cerita wali Allah, ahli sufi dan sebagainya: Hikayat Luk, am al-Hakim dan Hikayat Sultan Ibrahim ibn Adham
- 6) Watak dan peristiwa lain: Hikayat Perang Khaibar dan Hikayat Seribu Masali dan lain-lain.

literary devices

Seperti syair dan pantun.

Mana Sikana, 2022

Mana Sikana. 2022. Kesusasteraan Melayu Moden 1990-1999. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Mantera

Juga dikenali sebagai formula magis, jampi atau sihir (Kamus Kesusasteraan, 2015: 220)

Md Hasri, 2013

[https://www.academia.edu/8060073/
KESUSASTERAAN_MELAYU](https://www.academia.edu/8060073/KESUSASTERAAN_MELAYU)

media cetak.

Akhbar, majalah, jurnal, buku dan media elektronik, institusi penerbit kerajaan dan swasta, institusi kewangan, institusi pengajian tinggi yang ada menawarkan kursus kesusasteraan Melayu dan kesusasteraan bandingan.

Menulis Skrip Drama

<https://lamanweb.dbp.gov.my/menulis-skrip-drama/>

Mohd. Taib Osman (1982)

Mohd. Taib Osman. 1982. Manual of Collecting Oral Tradition with Special Reference to Southeast Asia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

pelipur lara, ibu bapa atau nenek dan datuk masa lalu.

"Pak Kadok", "Si Luncai" dan "Mat Jenin".

pendigital sastera

<https://dewansastera.jendeladbp.my/2021/09/13/1864/>

pendigitalan sastera

<https://dewansastera.jendeladbp.my/2021/09/13/1864/>

penggunaan tajuk

Penggunaan "hikayat" sebagai tajuk novel sekitar tahun 1920-an juga memperlihatkan pengaruh daripada sastera tradisi. Misanya, novel bertajuk "Hikayat Faridah Hanum" (Syed Sheikh Al-Hadi), "Hikayat Khalik dan Malik" (Zulkarnain Yaakub).

prosa

sastera rakyat, sastera hikayat, sastera epik, sastera panji dan pewayangan, sastera sejarah, kisah para nabi dan tokoh-tokoh Islam, sastera kitab, sastera undang-undang dan tatanegaraan dan kepustakaan ilmu tradisional.

puisi

Pantun, syair, nazam, gurindam, seloka, talibun, teka-teki, peribahasa berirama, teromba, prosa lirik, mantera dan dikir/zikir.

PUISI MODEN

<https://lamanweb.dbp.gov.my/puisi-moden/>

Puisi sebagai karya seni itu puitis.

Rachmat Djoko Pradopo. 2002. Pengkajian Puisi. Gadjah Mada University Press. Yogyakarta.

Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaafar

Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad dan Johan Jaafar. 2006. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya (2005)

Sahlan Mohd. Saman dan Che Abdullah Che Ya. Bab dalam buku. Bab 6: Novel. 2005. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor. Malaysia.

Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2005: 15

Persuratan Melayu: Tradisional ke Moden. 2005. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi.2005

Persuratan Melayu Tradisional ke Moden. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Samin Bin Rabani, 2022: 21

Samin bin Rabani. 2022. Pemikiran dan Sumbangan Noordin Hassan dalam Drama dari Perspektif Teori SPB4K. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sastera Epik

- 1) Hikayat Hang Tuah (Epik berunsur kebangsaan)
- 2) Hikayat Muhammad Hanafiyah dan Hikayat Amir Hamzah (Epik berunsur Islam)

Sastera Hikayat

- 1) Hikayat daripada pelbagai unsur, Hindu, Islam dan daerah lain di Nusantara.
- 2) Hikayat yang berunsur Hindu dan pancaran daripada epik India Ramayana dan Mahabhrata. Contohnya, Hikayat Seri Rama.
- 3) Hikayat lain berunsur India
- 4) Hikayat daripada sumber Islam dan tempatan

Sastera Lisan

<https://www.heritage.gov.my/my/sastera-lisan?format=html>

Sastera Panji dan Perwayangan

- 1) Cerita panji Jawa dan Melayu termasuk dalam bentuk syair: Syair Ken Tambuhan dan Syair Jaran Tamsya
- 2) Cerita-cerit wayang, pokok dan ranting daripada Ramayana dan Mahabrata

sastera rakyat

Cerita mitos, cerita dongeng, cerita binatang, cerita jenaka, cerita asal usul, cerita legenda dan cerita penglipur lara.

Sastera rakyat berbentuk cerita

Cerita mitos, cerita dongeng, cerita binatang, cerita jenaka, cerita asal usul, cerita legenda dan cerita penglipur lara.

Sastera rakyat bukan berbentuk cerita

Peribahasa, pantun, teka-teki, bahasa berirama, dzikir/zikir, gurindam, seloka, mantera, perbilangan adat

Sastera Sejarah

- 1) Sejarah bersifat mitos dan legenda: Merong Mahawangsa dan Hikayat Banjar
- 2) Sejarah sebenar: merangkumi tempat, tokoh dan peristiwa: Sejarah Riau, Misa Melayu dan Syair Residen De Brauw
- 3) Sejarah berunsur mitos dan sejarah: Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu
- 4) Salasilah dan peraturan: Asal Raja-Raja Sambas, Surat Pengangkatan dan lain-lain

Sastera Tulisan Berbentuk Naratif juga dikenali sebagai cerita/ kisah/naratif

<https://www.heritage.gov.my/en/sastera-tulisan.html>

Sastera yang bukan berbentuk naratif

<https://www.heritage.gov.my/my/sastera-lisan?format=html>

sebuah cerita yang dianggap benar oleh penceritanya.

Cerita Padang Gelang-gelang yang berasal daripada nama cacing yang direbus oleh Merah Silu yang menjadi emas. Dikatakan, Merah Silu menahan lukah di sebuah anak sungai atau aliran air. Setiap kali melihat atau mengangkat lukah, di dalamnya bukanlah ikan sebaliknya dipenuhi cacing gelang.

sistem tulisan

<https://ris.unimap.edu.my/server/api/core/bitstreams/3d5c4e83-2f72-488b-b52b-1ef125c164fa/content>

Susastera

Bahasa, tulisan atau lisan yang baik dan indah

Talibun

Kamus Kesusasteraan. 2015. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Teater Dekad 1990-1999

Mana Sikana. 2022. Kesusasteraan Melayu Moden 1990-1999. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Teromba

Kamus Kesusasteraan. 2015. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

tokohnya

Tokoh yang pernah wujud dalam masyarakat dan keistimewaannya diakui oleh anggota masyarakat.

tradisi lama.

Didapati adanya syair, pantun dan ungkapan tradisional.

watak kodi

Dakwat, kertas & kalam.

watak kodi

Dakwat, kertas dan kalam.

watak kodi

Bibliografi

- Abdul Halim Ali & Azhar Haji Wahid. (2005). *Penghayatan Kesusasteraan Melayu Moden*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Anwar Ridhwan. (2004). *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Aripin Said. (2015). *Prosa Warisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Ismail Yusoff. (2008). *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Hamzah Hamdani & Siti Aisah Murad. (2004). *Kesusasteraan Melayu Moden (1920-1940)*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2003). *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Mana Sikana. (2022). *Kesusasteraan Melayu Moden 1990-1999*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Mohd. Taib Osman. (1982). *Manual of Collecting Oral Tradition with Special Reference to Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Haji Salleh. (2021). *Puitika Sastera Melayu Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2005). *Persurata Melayu Tradisional ke Moden*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Warder, A.K., (1972). *Indian Kavya Literature*. Delhi: Motilal banarsidass.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Cerpen (dbp.gov.my)
<https://dewansastera.jendeladbp.my/2021/09/13/1864/>
<https://lamanweb.dbp.gov.my/puisi-moden/>
Sastera Lisan (heritage.gov.my)
Nusantara Audiobooks (nusantaraudiobooks.com)
Menulis Skrip Drama – Laman Web Rasmi (dbp.gov.my)
https://www.academia.edu/8060073/KESUSASTERAAN_MELAYU
https://www.academia.edu/39803045/Sejarah_pertumbuhan_dan_perkembangan_Sajak
<https://www.heritage.gov.my/en/sastera-tulisan.html>

Authors and Contributors

Author

Fatin Najla Omar

Reviewers

Susan Sim Chee Cheang

Norsuhaila Binti Sulaiman